

Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

“Ingkar atau menafikan rukun iman dan menolak syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW.”

- 1 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud
 - A kufur akhlak
 - B kufur nikmat
 - C kufur syariat
 - D kufur hakikat

- 2 Hukuman ke orang Islam yang meminum arak ialah
 - A 06 kali sebatan
 - B 40 kali sebatan
 - C 80 kali sebatan
 - D 100 kali sebatan

- 3 Pilih jawapan yang **tepat** mengenai prinsip pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.
 - A Mengharuskan perkahwinan mut'ah
 - B Berpegang teguh dengan hadis dhaif
 - C Berpegang dengan prinsip salafussoleh
 - D Menghukum walaupun tiada bukti yang sahih

- 4 Mengapakah seseorang yang telah melakukan dosa perlu bertaubat dengan segera?
 - A Kerana seseorang itu boleh bertaubat bila-bila masa
 - B Kerana seseorang itu tidak tahu bila ia akan mati
 - C Supaya dipandang mulia oleh manusia
 - D Supaya hidup disukai oleh manusia

- 5 Manakah yang berikut **tidak benar** mengenai maksud berkemampuan dalam ibadat haji?
 - A Sihat tubuh badan
 - B Aman perjalanan pergi dan balik
 - C Memiliki ilmu pengetahuan yang cukup
 - D Mempunyai bekalan untuk tanggungan yang ditinggalkan

- 6 Berikut adalah perkara-perkara yang dilarang ketika berihram **kecuali**
 - A menutup kepala bagi perempuan
 - B memakai pakaian berjahit bagi lelaki
 - C memakai minyak wangi pada pakaian
 - D memakai sarung tangan bagi perempuan

[Lihat halaman sebelah

Binatang yang sah dijadikan korban dan akikah hanyalah binatang al-An'am

- 7 Di antara berikut manakah binatang al-An'am tersebut:
- A ayam, itik dan arnab
 - B kerbau, kuda dan unta
 - C biri-biri, rusa dan arnab
 - D kambing, lembu dan unta
- 8 Berikut **bukan** merupakan syarat manfaat dalam urusan sewa.
- A dapat diberikan oleh yang mengambil upah
 - B diketahui kadar dan jangka masa
 - C dibayar dengan wang
 - D Berharga
- 9 Orang yang berhak mengahwinkan anak gadisnya tanpa persetujuan dengan syarat bakal suaminya adalah sekufu ialah
- A wali mujbir.
 - B wali hakim.
 - C saudara lelaki.
 - D wali bukan mujbir.
- 10 Apakah hukum mengadakan jamuan walimatulurus?
- A Wajib
 - B Harus
 - C Sunat
 - D Sunat muakkad
- 11 Pernyataan manakah yang menerangkan tentang hak isteri yang diceraikan talak satu atau dua?
- I Boleh menerima lamaran daripada lelaki lain
 - II Boleh berkahwin dengan lelaki pilihannya
 - III Dilarang keluar tanpa izin suami
 - IV Berhak mendapat nafkah zahir
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 12 Pilih pernyataan **yang benar** menerangkan maksud zihar.
- A Suami menyamakan isterinya dengan mana-mana anggota ibunya
 - B Keengganan isteri menunaikan kewajipan terhadap suami
 - C Perceraian antara suami dengan isteri dengan lafaz talak
 - D Pembatalan ikatan perkahwinan melalui kadi
- 13 Di antara berikut yang manakah karya Imam Ahmad bin Hambal r.h. dalam bidang hadis?
- A Al-Musnad
 - B Al-Manasik al-Kabir

- C Al-Nasikh Walmansukh
D Al-Manasik al-Saghir
- 14 Imam Bukhari rahimullah terkenal sebagai ahli _____.
- A fikah
B tafsir
C Hadis
D tauhid
- 15 Perlantikan Saidina Ali bin Abi Talib sebagai khalifah ditentang oleh
- A Abd Rahman bin Auf
B Muawiyah bin Abi Sufian
C Zubir bin al-Awwam
D Talhah bin Ubaidah
- 16 Khalifah kerajaan Bani Umayyah yang mendapat gelaran khulafa al-Rasyidin kelima ialah
- A Umar bin Abdul Aziz
B Yazid bin Muawiyah
C Marwan bin Al-Hakam
D Abdul Malik bin Marwan
- 17 Pernyataan manakah **tidak benar** mengenai usaha-usaha untuk memajukan sektor pertanian
- A Membina saluran
B Membuat empangan
C Membuka tanah pertanian yang baru
D Menanam biji benih yang baik
- 18 Sheikh Tahir Jalaluddin pernah berkhidmat sebagai mufti di dua buah negeri. Negeri-negeri tersebut ialah
- A Johor dan Perlis
B Johor dan Perak
C Kelantan dan Perak
D Perak dan Terengganu
- 19 Kerugian orang yang tidak mengamalkan sunah Rasulullah SAW ialah
- A dikasihi oleh Rasulullah s.a.w
B tidak merosakkan iman pada diri sendiri.
C mendapat syafaat daripada Rasulullah saw di akhirat.
D terhapus pahala atas kebaikan yang dilakukan
- 20 Berikut adalah tiga buah masjid utama yang sunat diziarahi **kecuali**
- A Masjid Al-Aqsa
B Masjid Al-Ansar
C Masjid Al-Haram
D Masjid An-Nabawi

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

- 21 _____ ialah ilmu yang berkaitan dengan perbuatan atau pertolongan makhluk ghaib yang bertujuan untuk memudaratkan manusia.
- 22 Iman bermaksud membenarkan dengan _____, mengakui dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota.
- 23 Allah SWT menegaskan bahawa perbuatan _____ adalah lebih dahsyat daripada membunuh.


Soalan 24 hingga Soalan 26

Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan


Bahai	Qadyani	Taslim	Khawarij
-------	---------	--------	----------

- 24 Pengasas ajaran _____ ialah haji Muhammad bin Syafie atau lebih dikenali dengan panggilan haji Muhammad Matahari.
- 25 Ajaran _____ mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah.
- 26 Beriktikad bahawa alam ini bersifat kekal (baqa') adalah ciri-ciri ajaran _____.
- 27 Berada di Padang Arafah pada 9 Zulhijjah selepas gelincir matahari sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah. Ibadat tersebut ialah _____.
- 28 _____ ialah sempadan tempat atau masa yang ditentukan untuk berniat ihram haji atau umrah.

Soalan berikut berdasarkan rajah di bawah.



- 29 **W** dalam rajah di atas ialah _____.



- 30 **X** dalam rajah di atas ialah _____.

31 Syarat-syarat berpoligami ialah tidak melebihi 4 orang isteri, mampu dari segi jasmani dan kewangan serta boleh berlaku _____.

32 Asas kebahagiaan sesebuah rumah tangga ialah _____ dan pergaulan yang baik

33 Karya Ibnu Sina _____ digunakan sebagai sumber rujukan kepada bidang perubatan dunia.

- Menghormati pengunjung lain.
- Berpakaian menutup aurat
- Aktiviti tidak bertentangan dengan syarak

34 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada adab _____.

35 Allah berjanji akan mengangkat _____ orang yang berjihad di jalanNya.

- Mempelajari Islam
- Menyebarkan ilmu
- Sabar dan ikhlas menyebarkan Islam
- Mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian

36 Pernyataan di atas merujuk kepada jihad _____.

Soalan 37 hingga Soalan 40

Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

Saham	Hutang	Gadaian	Syarikat	Sewa
-------	--------	---------	----------	------

37 _____ ialah sesuatu barangan bernilai yang dijadikan cagaran oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.

38 Kontrak _____ tamat dengan sebab tamat tempoh kecuali uzur.

39 _____ ialah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.

40 _____ akan terbatal apabila salah seorang rakan kongsi membatalkan penyertaannya.

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan*Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada soalan 3 atau soalan 4.*

- 1 a Mengamalkan ajaran sesat mendatangkan kesan buruk terhadap individu, masyarakat dan negara.
- (i) Nyatakan maksud ajaran sesat. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** kesan buruk daripada perbuatan khurafat . (4 Markah)
- (iii) Terangkan **dua** cara untuk mengatasi penyebaran ajaran sesat dalam masyarakat. (4 Markah)
- b Antara perkara yang membatalkan iman ialah khurafat
- (i) Nyatakan maksud khurafat? (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** faktor berlakunya perbuatan khurafat. (4 Markah)

Amalan khurafat masih berleluasa dalam masyarakat kita hari ini contohnya mandi bunga untuk membuang sial.

- (iii) Bagaimanakah cara untuk mengatasi amalan tersebut supaya tidak berleluasa dalam masyarakat? (4 Markah)
- 2 a Melakukan gadaian dan syarikat diharuskan dalam Islam.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan syarikat? (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah Islam mengharuskan penubuhan syarikat. (4 Markah)
- (iii) Terangkan **dua** kebaikan gadaian secara Islam terhadap masyarakat. (4 Markah)
- b Fasakh disyariatkan dalam Islam supaya dapat membela isteri daripada ditindas suami.
- (i) Apakah maksud fasakh? (2 Markah)
- (ii) Nyatakan **dua** sebab yang membolehkan isteri menuntut fasakh. (2 Markah)
- (iii) Jelaskan kesan perpisahan secara fasakh terhadap suami dan isteri. (2 Markah)

c

Antara tanggungjawab suami terhadap isteri ialah memberi mahar dan menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada isteri.

Berdasarkan pernyataan di atas cadangkan tindakan yang perlu dilakukan oleh isteri untuk mengekalkan keharmonian rumahtangga.

(4 Markah)

[Lihat halaman sebelah**SULIT**

- 3 a Khalifah Uthman bin Affan adalah khalifah yang ketiga kerajaan khulafa ar-Rasyidin.
 (i) Nyatakan **dua** keperibadian beliau yang boleh dicontohi. (2 Markah)
 (ii) Jelaskan **dua** polisi yang diamalkan oleh beliau dalam pentadbirannya. (4 Markah)
- b Imam Malik r.h dianggap sebagai tokoh terkemuka dalam ilmu hadis.
 (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup beliau. (2 Markah)
 (ii) Jelaskan cara penghormatan beliau terhadap hadis-hadis Rasulullah SAW. (2 Markah)
- c Sebagai rakyat yang telah diberi peluang untuk menggunakan kemudahan awam kita hendaklah beradab dalam menjaga kemudahan awam.
 (i) Apakah yang dimaksudkan kemudahan awam? (2 Markah)
 (ii) Jelaskan **dua** adab menjaga kemudahan awam. (4 Markah)

Kemudahan-kemudahan awam yang disediakan hendaklah digunakan dengan sebaiknya supaya masyarakat mendapat faedah daripadanya.

- (iii) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya penyalahgunaan kemudahan awam berleluasa dalam masyarakat. (4 Markah)
- 4 a Keagungan dan kegemilangan kerajaan Abbasiyah menjadi kebanggaan umat Islam hingga ke hari ini.
 (i) Nyatakan faktor yang membawa kepada kegemilangan kerajaan Abbasiyah. (2 Markah)
 (ii) Jelaskan **dua** iktibar yang boleh dilakukan oleh umat Islam sekarang untuk mengembalikan kegemilangan tersebut. (4 Markah)
- b Sayyed Jamaluddin al-Afghani sangat berani memperjuangkan kebenaran dan merupakan tokoh Islah.
 (i) Nyatakan bukti beliau seorang yang berani memperjuangkan kebenaran. (2 Markah)
 (ii) Jelaskan bentuk islah yang dibawa oleh beliau dalam usaha mengembalikan kecemerlangan umat Islam. (2 Markah)
- c Setiap rakyat hendaklah menjaga adab bernegara.
 (i) Senaraikan **dua** adab bernegara. (2 Markah)
 (ii) Jelaskan **dua** kebaikan menjaga adab bernegara. (4 Markah)

“CINTAILAH NEGARA KITA”

- (iii) Huraikan cara yang boleh anda lakukan untuk menghayati slogan di atas.

(4 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

1223/1

ARAHAN: Hitamkan jawapan yang betul NAMA :

TING:

(Ikat bersama dengan kertas jawapan Bahagian B)

1	A	B	C	D
2	A	B	C	D
3	A	B	C	D
4	A	B	C	D
5	A	B	C	D
6	A	B	C	D
7	A	B	C	D
8	A	B	C	D
9	A	B	C	D
10	A	B	C	D
11	A	B	C	D
12	A	B	C	D
13	A	B	C	D
14	A	B	C	D
15	A	B	C	D
16	A	B	C	D
17	A	B	C	D
18	A	B	C	D
19	A	B	C	D
20	A	B	C	D

21	
22	
23	
24	
25	
26	
27	
28	
29	
30	
31	
32	
33	
34	
35	
36	
37	
38	
39	
40	

Bah. A	Markah Objektif	Markah ITK	Jumlah Bah. A
Bah. B	Soalan 1		
	Soalan 2		
	Soalan 3		
	Soalan 4		
JUMLAH BESAR			

[Lihat halaman sebelah
SULIT

